

Buka tender bekal daging lembu halal

Daripada Hanisah Selamat yang berada di Darwin, Australia
nisa@bharian.com.my

2010/06/06



MOHD NOH (tengah) menjawab soalan wartawan selepas melawat ladang ternakan lembu milik GLC di Darwin, Australia, semalam.

Usaha pastikan bekalan pasaran tempatan mencukupi

DARWIN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membawa cadangan membuka tawaran tender bekal lembu bagi jangka panjang ke Kabinet untuk memastikan bekalan daging halal baka terbaik mencukupi untuk pasaran tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar, berkata tender jangka pendek sedia ada yang diguna pakai kini mempunyai kekurangan memandangkan ada antara bekalan tidak seperti diharapkan selain kos tinggi berikutan bekalan dikeluarkan mengikut musim.

“Menerusi konsep jangka pendek yang ada sekarang, penender menggunakan khidmat ejen untuk mendapat bekalan tetapi apabila tiba di Malaysia, kualitinya tidak sama seperti yang dipilih pada peringkat awal.

“Jika perjanjian pembekalan dilanjutkan hingga dua tahun, bermakna lembu terbabit ditenak hingga tempoh matang dan seterusnya bekalan yang sama disalurkan terus ke negara kita tanpa perlu menunggu musim tertentu,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke ladang penternakan lembu terbesar milik Bumiputera di Darwin, Global Livestock Corporation (GLC) di Wilayah Utara, Australia.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Veterinar, Datuk Dr Aziz Jamaluddin; Ketua Pegawai Eksekutif GLC, Isa Al-Zubaidi dan Pengarah GLC, Redzuan Chedin.

GLC yang beroperasi sejak 20 tahun lalu dan mengembangkan ladang penternakan di luar negara dengan Darwin sebagai pangkalan utama bermula pada 1999 mampu menternak hingga 10,000 ekor lembu dalam satu-satu masa di kawasan hijau seluas 800 hektar yang dimiliki sepenuhnya syarikat itu.

Selain ladang ternakan, syarikat yang mempunyai subsidiari di Indonesia, Brunei dan India itu turut mempunyai kemudahan lengkap dalam membekalkan daging lembu segar dan beku termasuk rumah penyembelihan, stesen kuarantin, gudang dingin beku serta sistem penggedran.

Noh berkata, cadangan untuk mensyaratkan penender mendapatkan bekalan daripada penternak tempatan yang kukuh seperti GLC juga akan diperhalusi dalam membantu usahawan Bumiputera selaras matlamat Model Baru Ekonomi (MBE).

“Bagi kontrak bekalan daging segar, kita mungkin dapat menjalin kerjasama dengan syarikat seperti GLC yang membolehkan penender berurusan terus tanpa kehadiran orang tengah sekaligus menjamin bekalan daging segar halal yang berkualiti pada kadar lebih rendah.

“Operasi rumah sembelihan di Ladang Rum Jungle, Batchelor itu juga dapat dimulakan dengan suntikan RM9 juta malah usaha ini juga sejajar konsep Ladang Satelit yang bakal direalisasikan di Malaysia dalam tempoh lima hingga 10 tahun lagi dengan keperluan 40,000 ekor lembu setahun,” katanya